

# ASUMALIFE SYRUP

Ketotifen (1mg/ 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

Risalah ini mengandungi informasi berikut:

1. Apakah kegunaan ASUMALIFE SYRUP.
2. Bagaimana ASUMALIFE SYRUP berfungsi.
3. Sebelum mengambil ASUMALIFE SYRUP.
4. Cara menggunakan ASUMALIFE SYRUP.
5. Semasa menggunakan ASUMALIFE SYRUP.
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ASUMALIFE SYRUP.
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan ASUMALIFE SYRUP

ASUMALIFE SYRUP digunakan untuk mencegah serangan asma dan merawat simptom-simptom alahan seperti hidung berair, bersin, hidung gatal, ruam kulit dan badan gatal-gatal. Walau bagaimanapun, ubat ini tidak boleh digunakan untuk merawat serangan asma yang biasa berlaku.

## Bagaimana ASUMALIFE SYRUP berfungsi

ASUMALIFE SYRUP merupakan ubat antihistamina yang berfungsi mengurangkan reaksi alahan dengan mengurangkan rembesan histamina dalam badan.

## Sebelum mengambil ASUMALIFE SYRUP

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alah atau hipersensitif terhadap ketotifen.
- ASUMALIFE SYRUP tidak patut digunakan untuk merawat serangan asma yang berlaku secara tiba-tiba.
- Jangan beri ubat ini kepada kanak-kanak yang berumur kurang daripada 1 tahun.

### Sebelum mula mengambil

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda mengenai penggunaan ASUMALIFE SYRUP jika anda sedang mengandung atau menyusukan anak. Beritahu doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

- i. Elakkan penggunaan serentak ASUMALIFE SYRUP dengan ubat yang lain termasuk ubat sedatif, hipnotik dan antihistamina.
- ii. Jangan guna ubat ini dengan ubat kencing manis pada masa yang sama bagi mengelakkan pengurangan kiraan platelet.
- iii. Selain itu, anda juga perlu beritahu doktor atau ahli farmasi tentang semua ubat yang anda sedang ambil, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

## Cara menggunakan ASUMALIFE SYRUP

### Berapa banyak harus diambil

Dos yang disyorkan untuk dewasa dan kanak-kanak berumur 2 tahun ke atas adalah 5 ml dua kali sehari. Bagi pesakit yang mudah mengantuk selepas mengambil ubat ini, anda boleh mengambil 2.5- 5ml pada waktu malam untuk beberapa hari pertama.

### Bila perlu diambil

ASUMALIFE SYRUP perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil bersama makanan.

### Berapa lama perlu diambil

ASUMALIFE SYRUP harus diambil mengikut nasihat doktor anda.

### Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihat oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Symptom-simptom terlebih dos:

- rasa mengantuk atau sedasi yang serius.
- kekeliruan dan disorientasi.
- takikardia (kadar dengungan jantung yang lebih cepat daripada biasa).

-tekanan darah rendah.

- konvulsi, terutamanya dikalangan kanak-kanak.
- keterujaan dikalangan kanak-kanak.
- koma berbalik.

## Semasa menggunakan ASUMALIFE SYRUP

### Perkara yang perlu dilakukan

Iikut preskripsi doktor anda semasa mengambil ASUMALIFE SYRUP.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan beri ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan pengambilan alkohol semasa rawatan dengan ASUMALIFE SYRUP. Elakkan memandu kereta atau mengendalikan jentera yang berbahaya selepas mengambil ubat ini.

## Kesan-kesan sampingan

ASUMALIFE SYRUP mungkin akan menyebabkan kesan sedasi, mulut menjadi kering, mengantuk, meningkatkan selera makan dan penambahan berat badan. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers→ Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan ASUMALIFE SYRUP

### Cara penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap. Simpan dalam bekas kedap udara. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### Cara pelupusan

ASUMALIFE SYRUP perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh.

Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

Rupa dan warna produk

ASUMALIFE SYRUP adalah larutan jernih yang tidak berwarna dengan perisa buah nanas.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif-

*Ketotifen Fumarate*

Bahan tidak aktif-

*Sorbitol*

*Glycerine*

*Pineapple Flavour*

*Sodium Citrate*

*Sodium Benzoate*

*Sucrose*

*Citric Acid*

Nombor MAL.

MAL 19962584A

**Pengilang**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP :**

03 Ogos 2015

**No. Siri**

BPK(R4/1)020115/00001